

21 JUN 1999

BN-Pembangunan

HANYA BARISAN NASIONAL MAMPU BAWA KEMAJUAN NEGARA, KATA SHARIFF

BUTTERWORTH, 21 Jun (Bernama) -- Rakyat Pulau Pinang akan terus memberikan sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana hanya parti itu mampu membawa kemajuan, pembangunan dan menjamin kemakmuran dan keamanan negara.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Haji Omar, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri hari ini berkata, beliau yakin rakyat di negeri ini terutamanya orang Melayu sedar mengenai hakikat itu kerana perjuangan BN amat jelas dan sudah terbukti hasilnya.

Katanya, parti-parti pembangkang yang bersaing untuk memenangi hati rakyat masih tidak diketahui perjuangan dan hala tujunya dan oleh itu, rakyat tidak perlu memberikan sokongan mereka kepada perjuangan yang tidak mempunyai matlamat.

Ketika bercakap kepada pemberita di sini, beliau juga menolak dakwaan pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) di negeri ini bahawa parti itu telah berjaya menarik sokongan sebilangan besar anggota Umno untuk menyertai parti berkenaan baru-baru ini.

Katanya, perjuangan parti itu hanyalah untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bukan untuk rakyat dan meminta rakyat sedar bahawa perjuangan parti itu tidak akan membawa apa-apa faedah untuk mereka.

"Mungkin mereka silap. Yang masuk Keadilan itu mungkin anggota PAS dan DAP kerana anggota kita tidak berkurangan malahan di bahagian Tasek Gelugor dua cawangan baru Umno akan ditubuhkan tidak lama lagi iaitu di Sinar Tengah, Jarak dan Guar Kepayang," katanya.

Shariff juga berkata, BN tidak bimbang dengan hasrat parti itu meletakkan calon mereka di tempat-tempat yang mempunyai majoriti pengundi Melayu pada pilihan raya umum akan datang kerana yakin masyarakat Melayu sedar bahawa mereka memerlukan Umno dan BN untuk terus menikmati kemakmuran dan keamanan.

Mengenai pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, yang berkuat kuasa serta merta, katanya, beliau menyambut baik keputusan presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Katanya, pelantikan itu merupakan satu amanah kepada Ku Li untuk memimpin parti itu dan BN menawan kembali negeri Kelantan yang jatuh ke tangan PAS.

Beliau menambah, pemimpin Umno di Kelantan juga bersedia memberi laluan supaya Ku Li boleh membantu Umno dan BN pada pilihan raya umum akan datang dan sikap mereka itu amat terpuji kerana mengutamakan kepentingan parti melebihi kepentingan individu.

"Saya yakin beliau dapat memikul tanggungjawab itu dengan baik," katanya.

-- BERNAMA

ZU zb